# KANDUNGAN


Rekod Pentaksiran Murid iii - vi

UNIT 1 Institusi Raja Payung Negara — Nota / Praktis, Sivik, Kuiz — 1
• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 1

UNIT 2 Agama Islam di Malaysia — Nota / Praktis, Video, Sivik, Kuiz — 9
• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 2

UNIT 3 Bahasa Melayu Warisan Kita — Nota / Praktis / Bonus PdPc, Video, Sivik, Kuiz — 18
• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 3

UNIT 4 Kedaulatan Negara Dicabar — Nota / Praktis, Video, Sivik, Kuiz — 25
• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 4

UNIT 5 Bangkit Berjuang Penjajah Ditentang — Nota / Praktis / Bonus PdPc, Video, Sivik, Kuiz — 33
• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 5

UNIT 6 Sejarah Kemerdekaan — Nota / Praktis / Bonus PdPc, Video, Sivik, Kuiz — 41
• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 6

Ujian Pertengahan Sesi Akademik (UPSA) 49

UNIT 7 Yang di-Pertuan Agong Teras Kedaulatan Negara — Nota / Praktis, Info, Sivik, Kuiz — 56
• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 7

UNIT 8 Jata Negara — Nota / Praktis / Bonus PdPc, Video, Sivik, Kuiz — 65
• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 8

UNIT 9 Bendera Kebangsaan Malaysia — Nota / Praktis / Bonus PdPc, Video, Sivik, Kuiz — 73
• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 9

UNIT 10 Lagu Kebangsaan Malaysia — Nota / Praktis / Bonus PdPc, Video, Sivik, Kuiz — 81
• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 10

UNIT 11 Bahasa Kebangsaan — Nota / Praktis, Video, Sivik, Kuiz — 88
• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 11

UNIT 12 Bunga Raya Bunga Kebangsaan — Nota / Praktis, Info, Video, Sivik, Kuiz — 96
• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 12

Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) 104

Jawapan J1 - J12


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# REKOD PENTAKSIRAN MURID

## Sejarah Tahun 5

Nama Guru: ................................ Nama Murid: ........................................ Kelas: ................................

| Unit | Tahap Penguasaan | Tafsiran | Halaman | Pencapaian | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Menguasai | Belum Menguasai |
| WARISAN NEGARA KITA | | | | | |
| **1** Institusi Raja Payung Negara | 1 | Menyatakan institusi raja sebagai warisan negara | 2 | | |
| | 2 | Menerangkan institusi raja sebagai warisan negara | 3 | | |
| | 3 | Menjelaskan institusi raja sebagai warisan negara dengan contoh | 4 | | |
| | 4 | Menganalisis institusi raja sebagai warisan negara | 5 | | |
| | 5 | Menilai kepentingan institusi raja sebagai warisan negara | 6 | | |
| | 6 | Menjana idea mendaulatkan institusi raja sebagai warisan negara | 6 | | |
| **2** Agama Islam di Malaysia | 1 | Memerihalkan kewujudan agama Islam sebagai warisan negara | 10 | | |
| | 2 | Menjelaskan kedudukan agama Islam sebagai warisan negara dengan contoh | 11 | | |
| | 3 | Menunjukkan kedudukan agama Islam sebagai warisan negara | 12 | | |
| | 4 | Menganalisis peranan agama Islam sebagai warisan negara | 13 | | |
| | 5 | Menilai kepentingan agama Islam sebagai warisan negara | 14, 15 | | |
| | 6 | Menjana idea mendaulatkan agama Islam sebagai agama Persekutuan | 15 | | |
| **3** Bahasa Melayu Warisan Kita | 1 | Memerihalkan kewujudan bahasa Melayu sebagai warisan negara | 19 | | |
| | 2 | Menjelaskan kedudukan bahasa Melayu sebagai warisan negara dengan contoh | 20 | | |
| | 3 | Menunjukkan kedudukan bahasa Melayu sebagai warisan negara | 21 | | |
| | 4 | Menganalisis peranan bahasa Melayu sebagai warisan negara | 22 | | |
| | 5 | Menilai kepentingan bahasa Melayu sebagai warisan negara | 22 | | |



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| PERJUANGAN KEMERDEKAAN NEGARA | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **4** Kedaulatan Negara Dicabar | 1 | Menyatakan konsep campur tangan dan penjajahan kuasa asing di negara kita | 26 | | |
| | 2 | Menerangkan campur tangan dan penjajahan kuasa asing di negara kita dengan contoh | 27 | | |
| | 3 | Menghubung kait campur tangan dan penjajahan kuasa asing di negara kita | 28 | | |
| | 4 | Menganalisis maklumat campur tangan dan penjajahan kuasa asing di negara kita | 29 | | |
| | 5 | Menilai campur tangan dan penjajahan kuasa asing di negara kita | 30 | | |
| **5** Bangkit Berjuang Penjajah Ditentang | 1 | Menyatakan perjuangan menentang campur tangan dan penjajahan kuasa asing | 34 | | |
| | 2 | Menerangkan perjuangan menentang campur tangan dan penjajahan kuasa asing | 35 | | |
| | 3 | Menjelaskan perjuangan menentang campur tangan dan penjajahan kuasa asing dengan contoh | 36 | | |
| | 4 | Menganalisis perjuangan menentang campur tangan dan penjajahan kuasa asing | 37 | | |
| | 5 | Menilai kepentingan perjuangan menentang campur tangan dan penjajahan kuasa asing | 38 | | |
| | 6 | Menjana idea menyemarakkan semangat perjuangan menentang campur tangan dan penjajahan pada masa kini | 38 | | |
| **6** Sejarah Kemerdekaan | 1 | Memerihalkan sejarah kemerdekaan negara 1957 | 42 | | |
| | 2 | Menjelaskan sejarah kemerdekaan negara 1957 | 43 | | |
| | 3 | Membuat urutan sejarah kemerdekaan negara 1957 | 44 | | |
| | 4 | Menganalisis sejarah kemerdekaan negara 1957 | 45 | | |
| | 5 | Menilai sejarah kemerdekaan negara 1957 dalam konteks perjuangan tokoh | 46 | | |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **YANG DI-PERTUAN AGONG** | | | | | |
| **7** Yang di-Pertuan Agong Teras Kedaulatan Negara | 1 | Memerihalkan tentang institusi Yang di-Pertuan Agong | 57 | | |
| | 2 | Menerangkan tentang institusi Yang di-Pertuan Agong | 58 | | |
| | 3 | Menjelaskan tentang institusi Yang di-Pertuan Agong dengan contoh | 61 | | |
| | 4 | Membuat urutan pertabalan Yang di-Pertuan Agong | 59 | | |
| | 5 | Menilai Institusi Yang di-Pertuan Agong dalam konteks persekutuan | 60 | | |
| | 6 | Menjana idea mengekalkan institusi Yang di-Pertuan Agong | 62 | | |
| **IDENTITI NEGARA KITA** | | | | | |
| **8** Jata Negara | 1 | Memerihalkan Jata Negara sebagai identiti negara | 66 | | |
| | 2 | Menerangkan Jata Negara sebagai identiti negara dengan contoh | 67 | | |
| | 3 | Membincangkan Jata Negara sebagai identiti negara | 68 | | |
| | 4 | Memperincikan Jata Negara sebagai identiti negara | 69 | | |
| | 5 | Menilai kepentingan Jata Negara sebagai identiti negara | 70 | | |
| | 6 | Menjana idea memartabatkan Jata Negara sebagai identiti negara | 70 | | |
| **9** Bendera Kebangsaan Malaysia | 1 | Memerihalkan bendera kebangsaan sebagai identiti negara | 74 | | |
| | 2 | Menerangkan bendera kebangsaan sebagai identiti negara dengan contoh | 75 | | |
| | 3 | Membincangkan bendera kebangsaan sebagai identiti negara | 76 | | |
| | 4 | Memperincikan bendera kebangsaan sebagai identiti negara | 77 | | |
| | 5 | Menilai kepentingan bendera kebangsaan sebagai identiti negara | 78 | | |
| | 6 | Menjana idea memartabatkan bendera kebangsaan sebagai identiti negara | 78 | | |


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **10** Lagu Kebangsaan Malaysia | 1 | Memerihalkan lagu kebangsaan sebagai identiti negara | 82 | | |
| | 2 | Menerangkan lagu kebangsaan sebagai identiti negara dengan contoh | 83 | | |
| | 3 | Membincangkan lagu kebangsaan sebagai identiti negara | 83 | | |
| | 4 | Memperincikan lagu kebangsaan sebagai identiti negara | 84 | | |
| | 5 | Menilai kepentingan lagu kebangsaan sebagai identiti negara | 85 | | |
| | 6 | Menjana idea memartabatkan lagu kebangsaan sebagai identiti negara | 85 | | |
| **11** Bahasa Kebangsaan | 1 | Memerihalkan bahasa kebangsaan sebagai identiti negara | 89 | | |
| | 2 | Menerangkan bahasa kebangsaan sebagai identiti negara dengan contoh | 90 | | |
| | 3 | Membincangkan bahasa kebangsaan sebagai identiti negara | 90 | | |
| | 4 | Memperincikan bahasa kebangsaan sebagai identiti negara | 91 | | |
| | 5 | Menilai kepentingan bahasa kebangsaan sebagai identiti negara | 92 | | |
| | 6 | Menjana idea memartabatkan bahasa kebangsaan sebagai identiti negara | 93 | | |
| **12** Bunga Raya Bunga Kebangsaan | 1 | Memerihalkan bunga kebangsaan sebagai identiti negara | 97 | | |
| | 2 | Menerangkan bunga kebangsaan sebagai identiti negara dengan contoh | 98 | | |
| | 3 | Membincangkan bunga kebangsaan sebagai identiti negara | 99 | | |
| | 4 | Memperincikan bunga kebangsaan sebagai identiti negara | 101 | | |
| | 5 | Menilai kepentingan bunga kebangsaan sebagai identiti negara | 100 | | |
| | 6 | Menjana idea memartabatkan bunga kebangsaan sebagai identiti negara | 101 | | |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# UNIT 1 Institusi Raja Payung Negara

## Revisi Modul

eP+ Nota Institusi Raja

Siapakah pemerintah tertinggi bagi sesebuah kerajaan berdaulat?

| Waadat | Daulat | Derhaka |
|---|---|---|
| Bermaksud perjanjian, iaitu antara raja dengan rakyat. Rakyat perlu memberikan taat setia kepada raja, manakala raja pula memerintah dengan adil dan saksama. | Melambangkan kekuasaan tertinggi raja atau sultan terhadap kerajaannya. Raja atau sultan yang berdaulat mempunyai kewibawaan, sifat peribadi yang unggul dan kebijaksanaan tinggi untuk memerintah. | Bermaksud keingkaran rakyat terhadap titah dan perintah raja atau sultan yang memerintah. Rakyat yang menderhaka akan dikenakan hukuman yang setimpal. |

### Institusi raja pada zaman Kerajaan Melayu Awal

- Raja atau sultan ialah ketua kerajaan negeri baginda.
- Raja atau sultan berkuasa mutlak dalam pemerintahan.
- Raja atau sultan menentukan segala dasar berkaitan dengan pentadbiran, perundangan, kehakiman dan hubungan diplomatik.
- Raja atau sultan dibantu oleh pembesar dalam pentadbiran kerajaan.

### Institusi raja pada zaman penjajahan British

- Raja atau sultan kekal sebagai ketua negeri.
- Raja atau sultan tidak berkuasa mutlak dalam pemerintahan.
- Raja atau sultan merupakan ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu di negeri baginda.
- Penasihat British dilantik untuk menguruskan pentadbiran di setiap negeri.

### Institusi raja pada zaman pendudukan Jepun

- Raja atau sultan kekal sebagai ketua negeri.
- Raja atau sultan tidak berkuasa mutlak dalam pemerintahan.
- Raja atau sultan merupakan ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu di negeri baginda.
- Gabenor Jepun menguruskan pentadbiran negeri-negeri Melayu.

### Institusi raja selepas merdeka hingga kini

- Sistem Raja Berperlembagaan diperkenalkan.
- Kuasa raja atau sultan tertakluk di bawah Perlembagaan Negeri.
- Pentadbiran negeri diketuai oleh Menteri Besar dan dibantu oleh Majlis Eksekutif.
- Institusi Yang di-Pertuan Agong diperkenalkan.
- Sembilan orang raja Melayu dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong secara bergilir-gilir.
- Pentadbiran negara diketuai oleh Perdana Menteri dan dibantu oleh Jemaah Menteri.



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

*Tarikh:* ____________

**MODUL PBD 1.1** Raja Berdaulat Tonggak Kerajaan — **Buku Teks:** 4 – 5

**SP 6.1.1** Menyatakan pengertian raja dan kerajaan

1. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul. SP 6.1.1 TP 1

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| negeri | Yang di-Pertua Negeri | tertinggi | pembentukan | kerajaan |
| Yang di-Pertuan Agong | sembilan | Yang di-Pertuan Besar | identiti | teratas |

(a) Raja atau sultan merupakan pemerintah ___tertinggi___ bagi sesebuah kerajaan berdaulat.

(b) ___Kerajaan___ bermaksud negeri atau negara yang ditadbir secara sah.

(c) Dalam sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Awal, kedudukan raja terletak pada hierarki ___teratas___.

(d) Raja atau sultan ialah ketua ___negeri___ yang mentadbir rakyat dan kerajaan baginda.

(e) Selepas merdeka, institusi raja terus diwarisi dan menjadi ___identiti___ negara.

(f) Pada masa ini, terdapat ___sembilan___ buah negeri yang mengamalkan institusi raja di negara kita.

(g) Di Negeri Sembilan, ketua negerinya bergelar ___Yang di-Pertuan Besar___.

(h) Bagi negeri Pulau Pinang, Melaka, Sarawak dan Sabah, ___Yang di-Pertua Negeri___ dilantik sebagai ketua negeri.

(i) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan diketuai oleh ___Yang di-Pertuan Agong___.

(j) Institusi raja penting kerana menjadi asas kepada ___pembentukan___ negara kita.

ePP+ Praktis Ekstra 1.1

TAHAP PENGUASAAN (✓) 1 ☆ 2 ☆ 3 ☆ 4 ☆ 5 ☆ 6 ☆

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**MODUL PBD 1.2** Raja Ditaati dan Dihormati **Buku Teks:** 6

**SP 6.1.2** Menerangkan konsep waadat antara raja dengan rakyat

**2.** Dengan berpandukan bahan rangsangan berikut, tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada yang salah. SP 6.1.2 TP 2




(a) Kisah di atas tercatat dalam buku *Sulalatus Salatin*. ✓

(b) Waadat tersebut termeterai antara raja, iaitu Seri Teri Buana dengan rakyat, iaitu Demang Lebar Daun. ✓

(c) Waadat tersebut menjadi asas pembentukan sikap taat setia dalam masyarakat Melayu. ✓

(d) Menurut waadat tersebut, raja tidak boleh berlaku zalim terhadap rakyat tetapi rakyat boleh mengingkari perintah raja. ✗

(e) Apabila negara mencapai kemerdekaan, konsep waadat tersebut diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. ✗

(f) Kini, konsep waadat tersebut dimaktubkan dalam prinsip kedua Rukun Negara, iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara. ✓

**TAHAP PENGUASAAN (✓)** 1 ☆ 2 ☆ 3 ☆ 4 ☆ 5 ☆ 6 ☆



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**MODUL PBD 1.3** Raja Berdaulat **Buku Teks:** 7

**SP 6.1.3** Menjelaskan makna daulat dan derhaka

**3.** Waadat antara Seri Teri Buana dengan Demang Lebar Daun telah melahirkan konsep daulat dan derhaka.
Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul. SP 6.1.3 TP 3

### Konsep daulat

- Daulat merupakan lambang (a) kekuasaan tertinggi raja atau sultan terhadap (b) kerajaan dan kawasan pemerintahannya.
- Raja yang berdaulat mempunyai (c) kewibawaan, sifat peribadi yang unggul dan kebijaksanaan tinggi untuk (d) memerintah.

### Konsep derhaka

- Derhaka bermaksud (e) keingkaran rakyat terhadap (f) titah dan perintah raja atau sultan yang memerintah.
- Rakyat yang menderhaka akan dikenakan (g) hukuman yang setimpal.

### Kepentingan konsep daulat dan derhaka

- Raja yang (h) berdaulat memastikan (i) keamanan dan kesejahteraan rakyat terpelihara sepanjang masa.
- Rakyat dapat hidup aman dan damai di bawah (j) naungan baginda.



**Sivik**

## Pendidikan Sivik

**Nilai Teras** : Kasih sayang
**Tajuk** : Warisan dan Budaya Malaysia
**Konteks** : Diri, keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan global
**Literasi Sivik** : Pengetahuan - Mengenali warisan dan budaya dalam negara

**Aktiviti**
- Murid berada dalam kumpulan masing-masing.
- Setiap kumpulan perlu mencari maklumat tentang identiti budaya pelbagai kaum di Malaysia yang unik dan istimewa dari pelbagai sumber.
- Hasilkan slaid pembentangan berkaitan dengan budaya Malaysia.

**TAHAP PENGUASAAN (✓)** 1 ☆ 2 ☆ 3 ☆ 4 ☆ 5 ☆ 6 ☆

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**MODUL PBD 1.4** Perubahan pada Institusi Raja **Buku Teks:** 8 – 9

**SP 6.1.4** Membandingkan kedudukan serta peranan Raja-raja Melayu dahulu dan kini

**4.** Jelaskan ciri-ciri institusi raja pada zaman berikut. SP 6.1.4 TP 4

**(a) Institusi raja pada zaman Kerajaan Melayu Awal**

- Raja sebagai ketua kerajaan negeri baginda.
- Raja berkuasa mutlak dalam pemerintahan.
- Raja menentukan segala dasar berkaitan dengan pentadbiran, perundangan, kehakiman dan hubungan diplomatik.
- Raja dibantu oleh para pembesar untuk mentadbir kerajaan.

**(b) Institusi raja pada zaman penjajahan British**

- Raja kekal sebagai ketua negeri.
- Raja tidak berkuasa mutlak dalam pemerintahan.
- Raja merupakan ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu di negeri baginda.
- Penasihat British dilantik untuk menguruskan pentadbiran di setiap negeri.

**(c) Institusi raja pada zaman pendudukan Jepun**

- Raja kekal sebagai ketua negeri.
- Raja tidak berkuasa mutlak dalam pemerintahan.
- Raja merupakan ketua agama Islam dan adat istiadat orang Melayu di negeri baginda.
- Gabenor Jepun menguruskan pentadbiran negeri-negeri Melayu.

**(d) Institusi raja selepas merdeka hingga kini**

- Sistem Raja Berperlembagaan diperkenalkan.
- Kuasa raja tertakluk di bawah Perlembagaan Negeri.
- Pentadbiran negeri diketuai oleh Menteri Besar yang dibantu oleh Majlis Eksekutif.
- Institusi Yang di-Pertuan Agong diperkenalkan selepas merdeka.
- Pentadbiran negara diketuai oleh Perdana Menteri dan dibantu oleh Jemaah Menteri.

**TAHAP PENGUASAAN (✓)** 1 ☆ 2 ☆ 3 ☆ 4 ☆ 5 ☆ 6 ☆



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**MODUL PBD 1.5** Institusi Raja di Dunia **Buku Teks:** 10 – 11

**SP 6.1.5** Menghuraikan negara yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja pada masa kini
**SP K6.1.8** Menghuraikan kepentingan mempertahankan kedaulatan institusi raja

5. Pada hari ini, terdapat 43 buah negara di dunia masih mengamalkan institusi raja. Jawab soalan-soalan berikut berkaitan dengan institusi raja. SP 6.1.5 SP K6.1.8 TP 5

(a) Namakan **empat** buah negara yang masih mengamalkan institusi raja selain Malaysia.

(i) United Kingdom (iii) Maghribi

(ii) Denmark (iv) Thailand

(b) Jelaskan kepentingan institusi raja pada hari ini.

- Simbol kedaulatan negara.
- Lambang kebanggaan rakyat.
- Menjamin kemakmuran dan keamanan negara.
- Memelihara kesejahteraan rakyat.

(Terima jawapan murid yang munasabah)

(c) Mengapakah rakyat Malaysia perlu mempertahankan kedaulatan institusi raja?

- Memelihara warisan budaya.
- Kebanggaan rakyat keseluruhannya.
- Lambang kedaulatan negara.

(Terima jawapan murid yang munasabah)

ePP+ Praktis Ekstra 1.2

6. Secara berpasangan, jelaskan cara warganegara dapat menzahirkan kesetiaan kepada Yang di-Pertuan Agong. TP 6 KBAT Mencipta PAK21 Giliran Robin

(a) Menyambut Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong secara besar-besaran.

(b) Mengibarkan bendera Malaysia semasa menyambut Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong.

(c) Menghormati potret Yang di-Pertuan Agong

(d) Mengamalkan prinsip Rukun Negara.

Aktiviti PAK-21

TAHAP PENGUASAAN (✓) 1☆ 2☆ 3☆ 4☆ 5☆ 6☆

*Tandatangan Guru:* ____________ *Tarikh:* ____________

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. 

# PRAKTIS SUMATIF 1

## Bahagian A

1. Bilakah institusi raja di negara kita telah wujud?
Buku Teks ms. 4
A Selepas merdeka
B Zaman penjajahan British
C Zaman pendudukan Jepun
D Zaman Kerajaan Melayu Awal

2. Rajah berikut menunjukkan hierarki dalam sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Awal pada masa dahulu.
Buku Teks ms. 4




Apakah X?
A Raja
B Gabenor
C Penasihat British
D Yang di-Pertuan Agong

3. Apakah gelaran ketua negeri bagi Perlis?
Buku Teks ms. 5
A Raja
B Sultan
C Maharaja
D Yang di-Pertua Negeri

4. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu konsep.
Buku Teks ms. 7

| |
|---|
| Kekuasaan raja terhadap kerajaan dan kawasan pemerintahannya. |

Apakah konsep tersebut?
A Daulat
B Waadat
C Derhaka
D Institusi raja

5. Apakah kepentingan daulat kepada seseorang raja?
Buku Teks ms. 7
A Berkuasa mutlak
B Dapat meluaskan kuasa
C Memelihara kesejahteraan
D Memerintah selama-lamanya

6. Apakah kedudukan sultan dalam sistem pemerintahan semasa penjajahan British?
Buku Teks ms. 8
I Ketua negeri
II Ketua pentadbir
III Penggubal undang-undang
IV Ketua agama Islam dan adat istiadat
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri instituti raja.
Buku Teks ms. 8

- Raja atau sultan menjadi ketua kerajaan dan berkuasa mutlak
- Semua dasar kerajaan ditentukan oleh raja atau sultan

Apakah zaman yang berkaitan dengan maklumat tersebut?
A Penjajahan British
B Pendudukan Jepun
C Kerajaan Melayu Awal
D Selepas merdeka hingga kini

8. Apakah negara yang masih mengamalkan institusi raja?
Buku Teks ms. 10-11
I Singapura
II Indonesia
III Thailand
IV Denmark
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## Bahagian B

1. Tandakan (✓) pada gelaran ketua negeri yang betul. TP 2

Buku Teks ms. 5

| Negeri / Gelaran | Raja | Sultan | Yang di-Pertua Negeri | Yang di-Pertuan Besar |
|---|---|---|---|---|
| (a) Kedah | | ✓ | | |
| (b) Perlis | ✓ | | | |
| (c) Selangor | | ✓ | | |
| (d) Pulau Pinang | | | ✓ | |
| (e) Negeri Sembilan | | | | ✓ |

[5 *markah*]

## Bahagian C

1. Daulat ialah lambang kekuasaan tertinggi raja terhadap kerajaannya.

Buku Teks ms. 7

(a) Nyatakan **dua** sikap yang dimiliki oleh raja yang berdaulat untuk memerintah. TP 2

(i) Kewibawaan

(ii) Sifat peribadi yang unggul / kebijaksanaan yang tinggi

[2 *markah*]

(b) Pada pendapat kamu, mengapakah kita perlu mempertahankan institusi raja?

KBAT Menilai

(i) Memelihara warisan bangsa.

(ii) Memelihara kestabilan negara.

(iii) Mewujudkan keamanan/ kemakmuran negara.

(iv) Mengelakkan negara daripada dijajah oleh kuasa asing.

[3 *markah*]

Kuiz Gamifikasi 1

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# UNIT 5 Bangkit Berjuang Penjajah Ditentang

## Revisi Modul

ePP+ Nota Pahlawan Tempatan

Mengapakah tokoh-tokoh tempatan melancarkan penentangan terhadap kuasa asing?

| Tokoh | Tempat | Sebab penentangan |
|---|---|---|
| Dol Said | Naning | Mempertahankan kedaulatan Naning dan enggan membayar cukai hasil tahunan satu persepuluh kepada British. |
| Rentap | Nanga Skrang, Sarawak | James Brooke menghapuskan petempatan orang Iban dan menganggap mereka sebagai lanun. |
| Sharif Masahor | Sarikei, Sarawak | James Brooke mengambil alih kuasa pentadbiran. |
| Dato' Maharaja Lela | Pasir Salak, Perak | British memperkenalkan sistem cukai baharu serta campur tangan dalam pentadbiran adat resam orang Melayu di Perak. |
| Yamtuan Antah | Seri Menanti, Negeri Sembilan | British mencampuri pentadbiran di Sungai Ujung dan menyokong Dato' Kelana yang mendakwa Terachi wilayahnya serta bimbang British meluaskan kuasa terhadap wilayah lain. |
| Dato' Bahaman | Pahang | Dihalang daripada mengutip cukai, dilucutkan jawatan sebagai pembesar serta menentang pembinaan balai polis di Lubuk Terua. |
| Tok Janggut | Pasir Puteh, Kelantan | Menolak Sistem Penasihat British serta British mengenakan cukai dan peraturan tanah baharu yang membebankan rakyat. |
| Mat Salleh | Sabah | Kehilangan kawasan pengaruh serta membantah cukai dan peraturan baharu yang membebankan rakyat. |
| Antenom | Pensiangan, Sabah | SBUB menjadikan orang Murut sebagai buruh paksa, menceroboh kawasan hutan yang dianggap mengganggu roh nenek moyang mereka, memperkenalkan cukai baharu yang membebankan serta tidak membenarkan penduduk membuka tanah untuk pertanian. |
| Haji Abdul Rahman Limbong | Hulu Terengganu | British memperkenalkan undang-undang yang membebankan rakyat dan mengancam untuk mengenakan tindakan undang-undang terhadap penduduk yang enggan membayar cukai. |



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**MODUL PBD 5.1** Pahlawan Tempatan **Buku Teks:** 60 – 69

**SP 7.2.1** Menyenaraikan tokoh tempatan yang menentang campur tangan dan penjajahan kuasa asing
**SP 7.2.2** Menyatakan sebab penentangan tokoh tempatan terhadap campur tangan dan penjajahan kuasa asing
**SP 7.2.3** Menerangkan peristiwa penentangan tokoh terhadap campur tangan dan penjajahan kuasa asing

ePP+ **Bonus PdPc Kuiz Gamifikasi**

1. Padankan tokoh pejuang berikut dengan kawasan penentangan mereka terhadap penjajah.
SP 7.2.1 TP 1

| Tokoh | Kawasan penentangan |
|---|---|
| (a) Antenom | Nanga Skrang, Sarawak |
| (b) Tok Janggut | Seri Menanti |
| (c) Rentap | Pensiangan, Sabah |
| (d) Yamtuan Antah | Pasir Puteh, Kelantan |
| (e) Sharif Masahor | Jeram Ampai, Pahang |
| (f) Dato' Maharaja Lela | Pasir Salak, Perak |
| (g) Dato' Bahaman | Sarikei, Sarawak |

ePP+ **Praktis Ekstra 5.1**

**Video**
Eduweb TV: Perjuangan Tokoh-tokoh Pejuang Tempatan

**TAHAP PENGUASAAN (✓)** 1 ☆ 2 ☆ 3 ☆ 4 ☆ 5 ☆ 6 ☆

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**2.** Tandakan (✓) pada pernyataan yang **betul** dan (✗) pada yang **salah.** SP 7.2.2 SP 7.2.3 TP 2

(a) Rentap menentang pentadbiran James Brooke kerana James Brooke menganggap orang Iban sebagai lanun. ✓

(b) Pertempuran sengit telah berlaku antara Rentap dengan James Brooke di Bukit Sadok. ✓

(c) Pada tahun 1861, Sharif Masahor telah berjaya mengusir tentera Charles Brooke dari Mukah. ✗

(d) Dato' Maharaja Lela menentang British di Pasir Salak kerana British memperkenalkan sistem cukai baharu di Perak. ✓

(e) Di Seri Menanti, Yamtuan Antah telah menandatangani perjanjian dengan British untuk mengalahkan Dato' Kelana. ✗

(f) Dengan bantuan Tok Gajah dan Mat Kilau, Dato' Bahaman telah berjaya mengusir British dari negeri Pahang. ✗

(g) Pada tahun 1894, Dato' Bahaman dan orang-orangnya telah berjaya menawan Kuala Tembeling dan Jeram Ampai. ✓

(h) Tok Janggut melancarkan serangan terhadap British di Pasir Puteh kerana menentang peraturan tanah dan cukai baharu yang membebankan. ✓

(i) Mat Salleh melancarkan penentangan berikutan kawasan pengaruhnya diambil alih oleh SBUB. ✓

(j) Antenom berjaya menyatukan orang Kadazandusun untuk menentang SBUB di Pensiangan. ✗

**TAHAP PENGUASAAN (✓)** 1 ☆ 2 ☆ 3 ☆ 4 ☆ 5 ☆ 6 ☆


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

3. Lengkapkan petikan berikut berkaitan dengan perjuangan Dol Said dengan memilih jawapan yang diberikan. SP 7.2.2 SP 7.2.3 TP 3

| | | |
|---|---|---|
| menyerah diri | kalah | Melaka |
| Naning | sekutu | cukai |
| British | satu persepuluh | Ulu Muar |

**Sebab penentangan**

Penghulu Dol Said melancarkan penentangan terhadap British bagi mempertahankan kedaulatan (a) Naning. (b) British mendakwa Naning ialah jajahannya tetapi Dol Said membantah. Dol Said juga enggan membayar (c) cukai hasil tahunan (d) satu persepuluh kepada British.

**Peristiwa penentangan**

Pada tahun 1831, British menyerang Naning tetapi (e) kalah. Dol Said menang kerana menerima bantuan ketenteraan dari (f) Ulu Muar, Sungai Ujong, Seri Menanti dan Rembau. Pada tahun berikutnya, British menyerang semula Naning dan berjaya mengalahkan Dol Said. Kekalahan ini disebabkan oleh (g) sekutu Dol Said telah menolong British. Akhirnya, Dol Said (h) menyerah diri, diberi pencen, sebidang tanah dan dibawa ke (i) Melaka.

ePP+ Praktis Ekstra 5.2

TAHAP PENGUASAAN (✓) 1 2 3 4 5 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**4.** Jawab soalan-soalan berikut secara ringkas. SP 7.2.2 TP 4 **KBAT** Menganalisis

(a) Di Perak, Sultan Abdullah, Dato' Maharaja Lela dan pembesar-pembesar lain mengambil keputusan untuk membunuh Residen British.
Mengapakah mereka mengambil keputusan sedemikian?

Residen British mengambil alih kuasa sultan dan pembesar tempatan.

British memperkenalkan cukai baharu.

Residen British, J.W.W. Birch campur tangan dalam pentadbiran negeri dan adat resam orang Melayu.

(b) Di Kelantan, mengapakah Tok Janggut melancarkan penentangan terhadap British?

Tok Janggut tidak bersetuju dengan Sistem Penasihat British.

British melaksanakan cukai dan peraturan tanah baharu yang membebankan penduduk.

(c) Apakah kesimpulan yang dapat anda buat tentang persamaan kedua-dua faktor penentangan tersebut?

Cukai dan peraturan baharu yang diperkenalkan oleh British membebankan penduduk setempat. Penentangan bertujuan mempertahankan kedaulatan negeri serta adat resam tempatan.

(Terima jawapan murid yang munasabah)

## Pendidikan Sivik

**Nilai Teras** : Kegembiraan
**Tajuk** : Menghargai Pemimpin
**Konteks** : Diri, keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan global
**Literasi Sivik** : Pengetahuan – Membincangkan sumbangan pemimpin terdahulu terhadap keharmonian dan kesejahteraan masyarakat.

**Aktiviti**
- Murid berada dalam kumpulan masing-masing.
- Setiap kumpulan memilih seorang tokoh pejuang tempatan.
- Berdasarkan tokoh pejuang tempatan yang dipilih, ahli kumpulan perlu mencari maklumat tentang tokoh tersebut.
- Seorang wakil daripada setiap kumpulan perlu bercerita tentang tokoh tersebut kepada rakan sekelas.

*Sivik*

**TAHAP PENGUASAAN (✓)** 1 ☆ 2 ☆ 3 ☆ 4 ☆ 5 ☆ 6 ☆



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**5.** Buat satu penilaian tentang peranan Haji Abdul Rahman Limbong menentang British.

SP 7.2.2 SP 7.2.3 TP 5 KBAT Menilai

(a) Mengapakah Haji Abdul Rahman Limbong menentang British?

British memperkenalkan undang-undang baharu yang membebankan rakyat seperti peraturan tanah untuk petani menjalankan kegiatan pertanian. British juga mengancam untuk mengenakan tindakan undang-undang terhadap penduduk yang enggan membayar cukai.

(b) Bagaimanakah Haji Abdul Rahman Limbong menentang British?

Haji Abdul Rahman Limbong membela petani yang ditangkap kerana menentang peraturan baharu di Kuala Telemong serta menduduki balai polis dan bangunan kerajaan di Kuala Berang.

**6.** Bentuk suasana kafe di dalam kelas. Bincangkan langkah-langkah yang dapat dilakukan bagi menghayati dan menghargai jasa tokoh-tokoh tempatan. Kemudian, bentangkan hasil dapatan di hadapan kelas. TP 6 KBAT Mencipta PAK21 Kafe

(a) Memahami perjuangan tokoh.

(b) Membuat buku skrap tentang tokoh.

(c) Bangga akan semangat perjuangan / keberanian tokoh.

(d) Menjadikan tokoh sebagai idola.

(Terima jawapan murid yang munasabah)

Aktiviti PAK-21

**TAHAP PENGUASAAN (✓)** 1 ☆ 2 ☆ 3 ☆ 4 ☆ 5 ☆ 6 ☆

*Tandatangan Guru:* ____________________ *Tarikh:* ____________

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PRAKTIS SUMATIF 5

## Bahagian A

1. Maklumat berikut berkaitan dengan tokoh pejuang X.

Buku Teks ms. 61

- Mempertahankan maruah bangsa kerana dianggap sebagai lanun
- Menentang kuasa luar yang berusaha untuk menghapuskan petempatan mereka

Siapakah tokoh X?
Ⓐ Rentap
B Dol Said
C Antenom
D Sharif Masahor

2. Dol Said enggan membayar cukai kepada British kerana mempertahankan kedaulatan wilayah

Buku Teks ms. 60

Ⓐ Naning
B Seremban
C Seri Menanti
D Sungai Ujong

3. Selain melaksanakan sistem cukai baharu, apakah faktor yang menyebabkan British ditentang di Perak?

Buku Teks ms. 63

A Membolot kekayaan hasil bumi
B Tidak menghormati pemerintah
C Melaksanakan undang-undang Barat
Ⓓ Campur tangan dalam adat resam orang Melayu

4. Mengapakah Dato' Bahaman melancarkan serangan terhadap balai polis di Lubuk Terua?

Buku Teks ms. 65

Ⓐ Mengusir British
B Menentang polis
C Mewujudkan huru-hara
D Menamatkan amalan rasuah

5. Apakah faktor utama yang menyebabkan Tok Janggut melancarkan penentangan terhadap British di Pasir Puteh, Kelantan?

Buku Teks ms. 68

A Menuntut kuasa pentadbiran
B Mengembalikan kedaulatan wilayah
C Menguasai kembali hak memungut cukai
Ⓓ Menentang sistem cukai dan peraturan tanah baharu

6. Gambar berikut menunjukkan seorang tokoh pejuang tempatan.

Buku Teks ms. 66



Mat Salleh

Mengapakah tokoh tersebut melancarkan penentangan terhadap Syarikat Borneo Utara British?
A Dilucutkan jawatan
Ⓑ Kehilangan kawasan pengaruh
C Mempertahankan kedaulatan wilayah
D Menentang sistem cukai dan peraturan tanah

7. Mengapakah Haji Abdul Rahman Limbong menentang undang-undang baharu British?

Buku Teks ms. 69

Ⓐ Membebankan rakyat
B Berusaha mengusir British
C Tidak memahami undang-undang baharu
D Mempertahankan undang-undang tradisional



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## Bahagian B

1. Gariskan jawapan yang betul. TP 2

Buku Teks ms. 61-67

(a) James Brooke mendirikan kubu di ( Nanga Skrang / Tambunan ) untuk mengawasi pergerakan orang Iban.

(b) Sharif Masahor berpakat dengan Datu Patinggi Abdul Ghapur dan Pengiran Temenggung Hashim untuk mengusir ( SBUB / keluarga Brooke ) di Kuching.

(c) Yamtuan Antah menentang British kerana mencampuri urusan pentadbiran di ( Naning / Sungai Ujong ).

(d) Antenom telah mengetuai pahlawan ( Murut / Iban ) untuk menentang SBUB.

(e) Dato' Bahaman menentang pembinaan balai polis di ( Lubuk Terua / Pasir Puteh ) yang merupakan kawasan pengaruhnya.

[5 *markah*]

## Bahagian C

1. Tok Janggut merupakan pahlawan tempatan yang menentang British di Kelantan.

Buku Teks ms. 68

(a) Nyatakan **dua** sebab penentangan Tok Janggut terhadap British. TP 2

(i) Tidak bersetuju dengan pengenalan Sistem Penasihat British.

(ii) Pengenalan sistem cukai dan peraturan tanah baharu yang membebankan rakyat.

[2 *markah*]

(b) Pada pendapat kamu, mengapakah kita perlu mempertahankan kedaulatan negara?

KBAT Menilai

(i) Bebas daripada belenggu penjajah.

(ii) Mewujudkan kesejahteraan dan keamanan.

(iii) Menentukan hala tuju negara mengikut acuan sendiri.

(iv) Mengelakkan penindasan/ eksploitasi kuasa asing.

(v) Mengekalkan kestabilan politik.

[3 *markah*]

Kuiz Gamifikasi 5

© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*

# Ujian Pertengahan Sesi Akademik (UPSA)

Skor /50

**Bahagian A**
[20 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. Antara berikut, ketua negeri manakah yang menggunakan gelaran sultan?
   I Kelantan
   II Selangor
   III Melaka
   IV Perlis
   (A) I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

2. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan konsep derhaka?
   I Patuh dan taat setia kepada raja
   II Mentadbir dengan adil dan saksama
   III Rakyat ingkar kepada perintah raja
   IV Rakyat menentang dan tidak setia kepada raja
   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   (D) III dan IV

3. Apakah kuasa raja-raja Melayu semasa pendudukan Jepun?
   A Menggubal undang-undang negeri
   B Menentukan hubungan luar kerajaan Melayu
   C Menasihati Gabenor Jepun dalam pentadbiran negeri
   (D) Menguruskan soal agama Islam dan adat istiadat Melayu

4. Siapakah yang menguruskan pentadbiran negara dalam sistem pemerintahan pada hari ini?
   A Sultan
   B Menteri Besar
   (C) Perdana Menteri
   D Yang di-Pertuan Agong

5. Senarai berikut merupakan golongan yang mengunjungi pelabuhan Melaka.

   - Ulama
   - Pedagang

   Apakah sumbangan mereka kepada Kesultanan Melayu Melaka?
   A Ekonomi Islam
   B Pemerintahan Islam
   C Kesusasteraan Islam
   (D) Pengembangan agama Islam

6. Maklumat berikut berkaitan dengan sumber perundangan di Melaka.

   - Mengandungi 44 fasal berkaitan dengan hak keistimewaan dan tanggungjawab raja serta pembesar
   - Mengandungi perkara tentang hukuman terhadap kesalahan jenayah, urusan jual beli dan kekeluargaan


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## Bahagian B

[20 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

| ketua agama Islam | pemerintah tertinggi | Menteri Besar |
|---|---|---|
| ketua negeri | kuasa mutlak | |

(a) Raja atau sultan merupakan pemerintah tertinggi bagi sesebuah kerajaan berdaulat.

(b) Sebelum kedatangan penjajah, raja mempunyai kuasa mutlak dalam pemerintahan.

(c) Semasa penjajahan British, raja hanya menjadi ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu.

(d) Raja dikekalkan sebagai ketua negeri, namun Gabenor Jepun menguruskan pentadbiran negeri-negeri Melayu pada zaman penjajahan Jepun.

(e) Selepas merdeka hingga kini, pentadbiran negeri diketuai oleh Menteri Besar dan dibantu oleh Majlis Eksekutif.

[5 *markah*]

2. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah.

(a) Animisme merupakan kepercayaan terhadap roh nenek moyang, semangat dan makhluk. ✓

(b) Agama Kristian dibawa ke Tanah Melayu melalui aktiviti perdagangan. ✗

(c) Penganut agama Islam wajib percaya kepada Rukun Iman. ✓

(d) Agama Buddha wujud di Tanah Melayu setelah kedatangan penjajah Belanda. ✗

(e) Penganut agama Hindu percaya kepada kelahiran semula. ✓

[5 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## Bahagian C
[10 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. Melaka telah dijajah oleh beberapa kuasa asing kerana kedudukannya yang strategik di laluan jalan perdagangan timur dan Barat.

(a) Nyatakan **dua** kuasa asing yang telah menjajah Melaka.

(i) Portugis

(ii) Belanda / British

[2 *markah*]

(b) Pada pendapat kamu, apakah kepentingan semangat cinta akan negara?

(i) Memupuk perpaduan kaum.

(ii) Berusaha memajukan negara.

(iii) Mempertahankan kedaulatan negara.

(iv) Meningkatkan imej negara / menjaga nama baik negara.

(v) Mengelakkan negara daripada sebarang bentuk penjajahan.

[3 *markah*]

2. Penjajahan James Brooke di Sarawak telah membangkitkan penentangan tokoh pahlawan tempatan.

(a) Nyatakan **dua** pahlawan tempatan yang menentang James Brooke di Sarawak.

(i) Rentap

(ii) Sharif Masahor

[2 *markah*]

(b) Apakah iktibar yang diperoleh daripada perjuangan tokoh pahlawan tempatan?

(i) Memiliki semangat perjuangan yang tinggi.

(ii) Bijak mengatur strategi.

(iii) Gigih mempertahankan hak daripada diceroboh atau dimusnahkan.

(iv) Tidak mudah putus asa dalam perjuangan.

(v) Bersatu padu menguatkan perjuangan.

[3 *markah*]



© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*

# Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA)

Skor

/50

**Bahagian A**
[20 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. Maklumat berikut berkaitan dengan raja berdaulat.

| |
|---|
| Lambang kekuasaan tertinggi raja atau sultan terhadap kerajaannya. |

Apakah yang boleh dikaitkan dengan maklumat tersebut?

A Tulah
B Daulat
C Waadat
D Derhaka

2. Rajah berikut menunjukkan hierarki dalam sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Awal.




Siapakah X?

A Raja
B Gabenor Jeneral
C Penasihat British
D Yang di-Pertuan Agong

3. Antara berikut, negara manakah yang masih mengamalkan institusi raja?

I Thailand
II Indonesia
III Singapura
IV United Kingdom

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

4. Dialog berikut merujuk kepada agama yang dianuti oleh masyarakat Tanah Melayu sejak dahulu lagi.

| | | |
|---|---|---|
| Dewi | : | Mei Lin, agama saya percaya kepada kelahiran semula. |
| Mei Lin | : | Agama saya pula berpegang pada "Jalan Lapan Lapis Mulia". |

Apakah persamaan kedua-dua agama tersebut?

A Percaya kepada Rukun Islam dan Rukun Iman
B Percaya kepada roh nenek moyang dan makhluk halus
C Dibawa ke Tanah Melayu melalui aktiviti perdagangan
D Wujud di Tanah Melayu setelah kedatangan penjajah Portugis

© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*

**19.** Tunku Abdul Rahman mengesyorkan supaya irama lagu kebangsaan diambil daripada lagu kebesaran negeri **X**.
Apakah negeri **X**?

| | |
|---|---|
| **A** Pulau Pinang | **C** Perlis |
| **B** Pahang | **D** Perak |

**20.** Maklumat berikut berkaitan dengan institusi yang memartabatkan bahasa kebangsaan.

| |
|---|
| Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ditubuhkan pada tahun 1956. |

Apakah fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka?

I Memartabatkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu
II Membakukan ejaan, sebutan dan membentuk istilah
III Menerbitkan pelbagai bahan bacaan dalam bahasa kebangsaan
IV Mengesyorkan penggunaan bahasa kebangsaan di institusi pendidikan

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**Bahagian B**
[20 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

**1.** Lengkapkan ayat berikut berkaitan dengan kesan sosial akibat penjajahan.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| jalan raya | dispensari | majmuk | bandar baharu | pendidikan vernakular |

(a) Kemasukan tenaga kerja dari negara China dan India mewujudkan masyarakat majmuk.

(b) Kewujudan bandar baharu sebagai pusat pentadbiran, perdagangan dan pelabuhan.

(c) Pengenalan sistem pendidikan vernakular mengikut aliran bahasa Melayu, Cina dan Tamil.

(d) Pembinaan jalan kereta api dan jalan raya untuk memudahkan hasil dihantar ke pelabuhan.

(e) Pembukaan hospital dan dispensari untuk merawat pesakit.

[5 *markah*]


© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*

## Bahagian C
[10 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. (a) Nyatakan **dua** orang pahlawan tempatan yang menentang campur tangan dan penjajahan kuasa asing.

(i) Rentap / Sharif Masahor / Dato' Bahaman / Dato' Maharaja Lela / Yamtuan Antah

(ii) Dol Said / Mat Salleh / Antenom / Tok Janggut / Haji Abdul Rahman Limbong

[2 *markah*]

(b) Jelaskan langkah-langkah untuk menghayati dan menghargai jasa pahlawan tempatan.

(i) Membuat buku skrap tentang pahlawan tempatan.

(ii) Menghasilkan karya sejarah/ riwayat hidup pahlawan tempatan.

(iii) Menjadikan pahlawan tempatan sebagai idola.

(iv) Menyertai kuiz/ pertandingan/ aktiviti berkaitan dengan pahlawan tempatan.

(v) Membina tugu peringatan.

[3 *markah*]

2. Dalam Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Utama Negara.

(a) Senaraikan **dua** alat kebesaran Yang di-Pertuan Agong.

(i) Cogan Alam / Cogan Agama / Keris Panjang Diraja

(ii) Cokmar / Payung Ubur-ubur Kuning dan Tombak Berambu

[2 *markah*]

(b) Sebagai rakyat Malaysia, mengapakah kita perlu mengekalkan institusi Yang di-Pertuan Agong?

(i) Tonggak perpaduan negara.

(ii) Mengekalkan keamanan dan kesejahteraan rakyat.

(iii) Memelihara identiti negara.

(iv) Memastikan keselamatan negara terjamin.

(v) Bertanggungjawab menjaga kepentingan semua kelompok masyarakat.

[3 *markah*]

# JAWAPAN

## UNIT 1 Institusi Raja Payung Negara

**1.** (a) tertinggi
(b) Kerajaan
(c) teratas
(d) negeri
(e) identiti
(f) sembilan
(g) Yang di-Pertuan Besar
(h) Yang di-Pertua Negeri
(i) Yang di-Pertuan Agong
(j) pembentukan

**2.** (a) ✓
(b) ✓
(c) ✓
(d) ✗
(e) ✗
(f) ✓

**3.** (a) kekuasaan tertinggi
(b) kerajaan
(c) kewibawaan
(d) memerintah
(e) keingkaran
(f) titah dan perintah
(g) hukuman
(h) berdaulat
(i) keamanan
(j) naungan

**4.** (a)
- Raja menentukan segala dasar berkaitan dengan pentadbiran, perundangan, kehakiman dan hubungan diplomatik.
- Raja dibantu oleh para pembesar untuk mentadbir kerajaan.

(b)
- Raja merupakan ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu di negeri baginda.
- Penasihat British dilantik untuk menguruskan pentadbiran di setiap negeri.

(c)
- Raja merupakan ketua agama Islam dan adat istiadat orang Melayu di negeri baginda.
- Gabenor Jepun menguruskan pentadbiran negeri-negeri Melayu.

(d)
- Institusi Yang di-Pertuan Agong diperkenalkan selepas merdeka.
- Pentadbiran negara diketuai oleh Perdana Menteri dan dibantu oleh Jemaah Menteri.

**5.** (a) (i) United Kingdom
(ii) Denmark
(iii) Maghribi
(iv) Thailand

(b)
- Simbol kedaulatan negara.
- Lambang kebanggaan rakyat.
- Menjamin kemakmuran dan keamanan negara.
- Memelihara kesejahteraan rakyat.

(Terima jawapan murid yang munasabah)

(c)
- Memelihara warisan budaya.
- Kebanggaan rakyat keseluruhannya.
- Lambang kedaulatan negara.

(Terima jawapan murid yang munasabah)

**6.** (a) Menyambut Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong secara besar-besaran.
(b) Mengibarkan bendera Malaysia semasa menyambut Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong.
(c) Menghormati potret Yang di-Pertuan Agong.
(d) Mengamalkan prinsip Rukun Negara

## PRAKTIS SUMATIF 1

### Bahagian A

**1.** D **2.** A **3.** A **4.** A **5.** C
**6.** B **7.** C **8.** D

### Bahagian B

**1.** (a) Sultan
(b) Raja
(c) Sultan
(d) Yang di-Pertua Negeri
(e) Yang di-Pertuan Besar

### Bahagian C

**1.** (a) (i) Kewibawaan
(ii) Sifat peribadi yang unggul / kebijaksanaan yang tinggi

(b) (i) Memelihara warisan bangsa.
(ii) Memelihara kestabilan negara.
(iii) Mewujudkan keamanan/ kemakmuran negara.
(iv) Mengelakkan negara daripada dijajah oleh kuasa asing.

(Terima jawapan murid yang munasabah)


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## UNIT 2 Agama Islam di Malaysia

1. (a) Animisme
   (b) Islam
   (c) Buddha
   (d) Kristian
   (e) Hindu

2. (a) Terengganu
   (b) Arab dan India
   (c) Syeikh Abdul Aziz
   (d) Megat Iskandar Shah
   (e) *Hukum Kanun Melaka*
   (f) arkeologi

3. (a) hak keistimewaan dan tanggungjawab raja serta pembesar.
   (b) hukuman terhadap kesalahan jenayah, urusan jual beli dan kekeluargaan.
   (c) keamanan dan keselamatan rakyat.
   (d) peraturan di laut, tatacara berniaga dan berjual beli.
   (e) hukuman terhadap kesalahan jenayah.
   (f) perdagangan.

4. (a) *Hukum Kanun Melaka* menjadi rujukan dalam pentadbiran. Undang-undang digubal untuk mengawal kehidupan manusia.
   (b) Sultan menjadi ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu di negeri baginda. Undang-undang Islam hanya digunakan dalam hal berkaitan dengan kekeluargaan, harta pusaka dan zakat.
   (c) Sultan menjadi ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu di negeri baginda. Jepun mewujudkan Majlis Agama Islam yang bertanggungjawab terhadap undang-undang keluarga Islam.

5. (a) Walaupun Malaysia memperuntukkan Islam sebagai agama Persekutuan, penganut agama lain bebas mengamalkan agama dan kepercayaan masing-masing.
   (b) (i) Mewujudkan keharmonian.
   (ii) Hidup aman damai.
   (Terima jawapan murid yang munasabah)
   (c) (i) Mengamalkan sikap toleransi.
   (ii) Hormat-menghormati antara satu sama lain.
   (iii) Mengeratkan perpaduan.
   (Terima jawapan murid yang munasabah)

6. (a) Bekerjasama dalam pelbagai perkara.
   (b) Menghormati tempat ibadat.
   (c) Mengasihi orang lain walaupun berbeza agama.
   (d) Membantu mereka yang memerlukan bantuan.
   (e) Bersederhana dalam kehidupan seharian.
   (f) Berhemah semasa berbelanja.
   (g) Bermesyuarat untuk mendapatkan keputusan ramai.
   (h) Tidak menjadi pencetus pergaduhan.

7. (a) Memelihara keamanan / keharmonian dalam masyarakat.
   (b) Mengamalkan hidup beragama.
   (c) Mengamalkan prinsip Rukun Negara.
   (d) Mempertahankan warisan budaya bangsa.
   (e) Identiti negara.
   (Terima jawapan murid yang munasabah)

## PRAKTIS SUMATIF 2

### Bahagian A

1. B 2. C 3. B 4. B 5. A
6. D 7. D 8. D

### Bahagian B

1.



### Bahagian C

1. (a) (i) Animisme / Agama Buddha
   (ii) Agama Hindu / Agama Islam / Agama Kristian
   (b) (i) Mewujudkan perpaduan.
   (ii) Memelihara keharmonian.
   iii) Mengelakkan perselisihan/ pergaduhan.
   (iv) Menjamin kesejahteraan masyarakat.
   (Terima jawapan murid yang munasabah)

## UNIT 3 Bahasa Melayu Warisan Kita

1. (a) rumpun
   (b) Austronesia
   (c) terbuka
   (d) warisan
   (e) identiti
   (f) susur galur

2. (a) Sri Lanka
   (b) Singapura
   (c) Indonesia
   (d) Pulau Cocos